

# PEMAKLUMAN

PARA PELANGGAN YANG DIHORMATI,



## **TARIKH AKHIR PENGELUARAN SIJIL TEMPASAL FORM A *GENERALIZED SYSTEM OF PREFERENCES (GSP)* BAGI PENGEKSPORTAN KE RUSIA, BELARUS DAN KAZAKHSTAN**



BERMULA **12 OKTOBER 2021** KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI) TIDAK LAGI AKAN MENGELUARKAN SIJIL TEMPASAL FORM A GSP BAGI PENGEKSPORTAN KE RUSIA, BELARUS DAN KAZAKHSTAN. PENAMATAN INI ADALAH SELARAS DENGAN KEPUTUSAN PIHAK *EURASIAN ECONOMIC COMMISSION (EEC)* YANG TELAH MENGELUARKAN MALAYSIA DARI SENARAI PENERIMA FAEDAH LAYANAN TEMPASAL DI BAWAH SKIM GSP *EURASIAN ECONOMIC UNION (EAEU)* MEMANDANGKAN STATUS MALAYSIA SEBAGAI NEGARA BERPENDAPATAN MENENGAH ATAS.

***SEHUBUNGAN ITU, TARIKH-TARIKH PENTING BERKAITAN PERMOHONAN FORM A GSP (RUSSIA, BELARUS & KAZAKHSTAN) DALAM SISTEM ePCO ADALAH SEPERTI BERIKUT:***

| TARIKH                     | CATATAN                                              |
|----------------------------|------------------------------------------------------|
| 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)   | TARIKH AKHIR KEMUKA <b>CA</b> BARU                   |
| 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS) | TARIKH AKHIR KEMUKA SEMULA <b>CA</b> (SELEPAS KUIRI) |
| 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS) | TARIKH AKHIR KELULUSAN <b>CA</b>                     |
| 1 OKTOBER 2021 (JUMAAT)    | TARIKH AKHIR KEMUKA <b>CO</b> BARU                   |
| 6 OKTOBER 2021 (RABU)      | TARIKH AKHIR KEMUKA SEMULA <b>CO</b> (SELEPAS KUIRI) |
| 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)    | TARIKH AKHIR KELULUSAN <b>CO</b>                     |

SEKIRANYA BARANGAN YANG DIEKSPORT TIBA DAN TELAH DIDAFTARKAN KEPADA KASTAM NEGARA RUSIA, BELARUS ATAU KAZAKHSTAN SEBELUM ATAU PADA **11 OKTOBER 2021** TANPA CO FORM A, PENGIMPORT DIBENARKAN UNTUK MENGEMUKAKAN CO FORM A KEPADA KASTAM NEGARA BERKENAAN DALAM TEMPOH 12 BULAN DARI TARIKH PENGIMPORTAN TERSEBUT DAN PENGEKSPORT BOLEH MEMOHON CO BAGI TUJUAN TERSEBUT MELALUI EMEL KEPADA MITI.

PEMBERIAN KEUTAMAAN TARIF KE ATAS BARANGAN YANG DIEKSPORT KE NEGARA TERSEBUT ADALAH TERTAKLUK KEPADA PENERIMAAN FORM A GSP OLEH PIHAK BERKUASA PENGIMPORT DAN BARANGAN PERLU TIBA DAN DIDAFTARKAN KEPADA KASTAM NEGARA RUSIA, BELARUS ATAU KAZAKHSTAN SEBELUM ATAU PADA **11 OKTOBER 2021**.

SEKIRANYA TERDAPAT SEBARANG PERTANYAAN, SILA EMELKAN KE UNIT FTA IV: [farah.wahida@miti.gov.my](mailto:farah.wahida@miti.gov.my) | [sahida@miti.gov.my](mailto:sahida@miti.gov.my)

TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA DAN SOKONGAN BERTERUSAN YANG DIBERIKAN.

**PENGARAH KANAN**  
**BAHAGIAN SOKONGAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**  
**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**  
**9 OGOS 2021**